



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR.

Telefon: 203722
Kawat: PERDANA

Ruj. Kami: PM. 16994/2

Tarikh: 22hb. Julai, 1981

SURAT PEKELILING AM BIL. 5 TAHUN 1981

Ketua Setiausaha - Ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,
YB. Setiausaha - Setiausaha Kerajaan Negeri
Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

PENUBUHAN JAWATANKUASA PENENTUAN PENGAJIAN SOSIOEKONOMI
(JPPS) DAN BIDANG TUGAS UNIT PENYELIDIKAN SOSIOEKONOMI (SERU)

Tujuan

Tujuan surat pekeliling ini ialah untuk memaklumkan tentang penubuhan sebuah Jawatankuasa Penentuan Pengajian Sosioekonomi (JPPS) baru-baru ini bagi membantu Unit Penyelidikan Sosioekonomi (SERU) menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi dan seterusnya memberi penjelasan sedikit sebanyak tentang peranan dan bidang tugas SERU sejak ianya ditubuhkan mulai 1hb. Januari, 1980 hasil dari percantuman Unit Penyelidikan Sosioekonomi dan Perancangan Am (SERGPU) dan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia (MCDS).

2. Dalam percantuman ini hanya bahagian penyelidikan sosioekonomi sahaja dari beberapa bahagian SERGPU dipindahkan kepada SERU. Bahagian-bahagian lain iaitu Biro Pengaduan Awam dan Bahagian Kemajuan Petroleum dipindahkan ke Bahagian pentadbiran Jabatan Perdana Menteri, sementara Jabatan Perangkaan diletakkan di bawah Unit Perancang Ekonomi.

Peranan dan Bidang Tugas SERU

3. SERU sebagai agensi Kerajaan pusat mempunyai peranan dan bidang tugas berikut: _

- 3.1. Menjalankan kajian-kajian sosioekonomi supaya hasilnya dapat digunakan untuk memenuhi keperluan perancangan, pembentukan dasar dan pelaksanaan.
- 3.2. Menilai kekesan program-program serta projek-projek pembangunan sosioekonomi Kerajaan.
- 3.3. Menjalankan kajian sosioekonomi yang tertentu secara 'ad hoc' dari semasa ke semasa seperti yang diarahkan.
- 3.4. Memberi pertolongan ataupun nasihat teknikal ber-sabit dengan kajian-kajian sosioekonomi jika diminta oleh agensi-agensi Kerajaan.
- 3.5. Menubuh dan menyelenggara sistem 'data base' yang lengkap untuk membantu kajian-kajian sosioekonomi yang dijalankan.
- 3.6. Menyelaras dan mengawas semua kajian-kajian sosio-ekonomi dalam negara samada dicadangkan dari dalam ataupun luar negeri demi kepentingan penyelidikan-penyelidik dan negara.
- 3.7. Menyusun dan mengadakan seminar-seminar, forum-forum dan bengkel-bengkel mengenai isu-isu pembangunan sosioekonomi yang penting termasuk membincang hasil-hasil kajian yang dijalankan.
- 3.8. Menjalankan analisa dasar-dasar berhubung dengan masalah-masalah pembangunan sosioekonomi yang menarik perhatian Kerajaan.
- 3.9. Menyusun, menerbit dan seterusnya mengedar semua hasil kajian yang dijalankan termasuk lain-lain penerbitan.
- 3.10. Mengadakan kajian masalah-masalah sosioekonomi dan kekesan program pembangunan negara terhadap mutu kehidupan di kalangan rakyat jelata.

Penubuhan Jawatankuasa Penentuan Pengajian Sosioekonomi

4. Untuk membantu SERU dalam menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi, satu majlis penasihat iaitu Jawatankuasa Penentuan Pengajian Sosioekonomi (JPPS) telah diwujudkan baru-baru ini. Jawatankuasa Penentuan Pengajian Sosioekonomi ini adalah bertanggungjawab menggariskan dasar-dasar bagi pelaksanaan penyelidikan

sosioekonomi disamping menentukan keutamaan bagi menjalankan projek-projek penyelidikan yang dikemukakan oleh agensi-agensi Kerajaan.

5. Keahlian Jawatankuasa Penentuan Pengajian Sosio-ekonomi (JPPS) adalah seperti berikut:-

- Pengerusi : Y.B. Tan Sri Ishak bin Hj. Pateh
Akhir
Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri.
- Pengerusi Ganti : Y.B. Tan Sri Datuk (Dr) Arshad
bin Ayub
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian
- Ahli : Encik Sulaiman bin Abdullah
Timbalan Ketua Pengarah I
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
- : Y.B. Datuk Badruddin bin Samad
Timbalan Ketua Setiausaha I
Perbendaharaan
- : Y.B. Datuk Sri Radin Soenarno
bin Radin Soenario
Ketua Setiausaha
Kementerian Tanah dan Kemajuan
Wilayah
- : Y.B. Datuk Wan Mansor bin Abdullah
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan.
- : Y.B. Datuk Mohd Saffian bin Haji
Abdul Majid
Ketua Pengarah
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
- : Dr. Mohd. Nor bin Abdul Ghani
Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan Peran-
cangan Tenaga Manusia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri.

- : Dr. Abdullah Sanusi bin Ahmad
Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Awam
- : Dr. Mohd. Shahari bin Ahmad Jabar
Pengarah
Institiut Tadbiran Awam Negara
(INTAN)
- : Encik Mohd. Nurzid bin Mohd. Wali
Ketua Pengarah
Unit Penyelidikan Sosioekonomi
Jabatan Perdana Menteri.
- Setiausaha : Encik R.Theivandran
Pengarah
Bahagian Perancangan, Penyelarasan
Penyelidikan dan Urusetia,
Unit Penyelidikan Sosioekonomi
Jabatan Perdana Menteri.

Bidang Tugas Jawatankuasa Penentuan Pengajian
Sosioekonomi (JPPS)

6. Bidang tugas Jawatankuasa Penentuan Pengajian Sosioekonomi adalah seperti berikut:-

- 6.1. Menentukan dasar-dasar, strategi-strategi dan garis-garis panduan penyelidikan sosioekonomi negara dalam hubungannya dengan rancangan pembangunan.
- 6.2. Menentukan aspek-aspek penyelidikan sosioekonomi negara sesuai dengan keperluan rancangan pembangunan sosioekonomi Kerajaan.
- 6.3. Menentukan keutamaan dan meluluskan projek-projek penyelidikan sosioekonomi yang diminta oleh agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri.
- 6.4. Meluluskan keperluan tenaga manusia dan kewangan SERU bagi mengendalikan projek-projek kajian yang diminta oleh berbagai agensi dan jabatan disamping projek-projek penyelidikan sosioekonomi yang di rancang dan dilaksanakan sendiri oleh SERU.

- 6.5. Mengawas dan menilai pelaksanaan segala projek penyelidikan sosioekonomi yang dikelolakan oleh SERU.
- 6.6. Lain-lain perkara yang difikirkan perlu untuk pertimbangan dari segi penyelidikan sosioekonomi demi kepentingan pembangunan negara.

7. Adalah diharapkan bahawa dengan penubuhan Jawatankuasa ini dimana anggotanya terdiri dari wakil-wakil agensi yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan negara, maka segala kajian-kajian sosioekonomi yang dijalankan akan dapat diselaraskan dengan keperluan dan kehendak pihak-pihak perancangan dan pelaksanaan. Begitu juga sebaliknya segala perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan sosioekonomi akan dapat berdasarkan kajian-kajian yang terperinci, jitu dan saintifik.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(Tan Sri Hashim bin Aman)
Ketua Setiausaha Negara.